

05/09/1997

Penubuhan dana khas RM60b disambut baik

Kadir Dikoh; Hatipah Ahmad

AHLI ekonomi dan penganalisis pasaran menyambut baik pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai penubuhan dana khas RM60 bilion bagi memulihkan prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), sekali gus menyelamatkan ekonomi negara daripada terus mengalami kemerosotan.

Bagaimanapun, mereka masih meneliti perkembangan lanjut sejauh mana ia dapat mengerakkan pasaran dalam keadaan penjualan berterusan terutama oleh pengurus dana asing sehingga menyebabkan Indeks Komposit (IK) terus bergerak ke arah menurun.

Ketua Eksekutif Kompleks Metrowangsa Sdn Bhd, Dr Ghazali Atan, berkata kehadiran dana itu sendiri pada masa sekarang adalah tepat untuk jangka masa pendek.

"Namun, kesannya untuk melonjakkan pasaran tidak akan berlaku dengan segera. Keadaan sekarang masih memerlukan sokongan orang lain termasuk pelabur asing," katanya kepada Berita Harian.

Kelmarin Dr Mahathir berkata, dana itu akan digunakan untuk membeli saham di pasaran saham daripada rakyat Malaysia pada satu harga premium daripada harga pasaran.

Saham yang dipegang oleh pelabur asing bagaimanapun akan dibeli mengikut harga pasaran. Tabungan untuk dana itu akan disumbangkan oleh Khazanah Nasional Bhd yang akan mengumpul RM30 bilion melalui terbitan bon manakala RM30 bilion lagi akan dikumpulkan oleh agensi lain.

Ghazali berkata, walaupun penubuhan dana itu buat kali pertama dilakukan di negara ini, banyak negara lain sudah berbuat demikian melalui kaedah berbeza sebelum ini dengan pembabitan agensi kerajaan untuk menstabilkan pasaran.

Pengurus Besar Kanan (Operasi Malaysia) Malayan Banking Bhd (Maybank), Ismail Shahuddin, berkata langkah kerajaan itu adalah satu perspektif yang dapat membantu meningkatkan pasaran dan menggalakkan minat "membeli" di kalangan pelabur tempatan.

Katanya, langkah itu juga bertujuan menggerakkan pelabur tempatan memainkan fungsi lebih cergas dan positif di pasaran demi memantapkan pertumbuhan pasaran saham tempatan.

Beliau berkata, ia diharap menjadi pemangkin utama kepada pengurus dana tempatan lain selain daripada Khazanah Holdings Bhd, Permodalan Nasional Bhd dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk terus menyumbang ke arah kesejahteraan pasaran tempatan.

Ahli ekonomi kanan TA Securities, Anthony Dass, pula berkata, penubuhan dana itu adalah baik bagi menyokong pasaran muram sekarang sekurang-kurangnya bagi jangka masa pendek.

Bagaimanapun, katanya, kesan segera mengenai bagaimana pasaran bertindak positif terhadap langkah itu masih dalam pemerhatian kerana biasanya sesuatu dasar hanya akan memberi kesan dalam jangka panjang.

Seorang pengurus dana tempatan pula berkata, apa yang penting sekarang ialah untuk mengembalikan keyakinan pelabur bagi menaikkan semula pasaran dan pada masa yang sama berusaha mengukuhkan kembali ringgit.

Menurutnya, sebarang langkah yang boleh menimbulkan krisis keyakinan, jika tidak diawasi dengan pendekatan yang lebih relevan dan praktikal, boleh memudaratkan pasaran yang akhirnya menjejaskan ekonomi negara.

"Cara terbaik sekarang ialah membiarkan kuasa pasaran menentukan arahnya dan pengurus ekonomi negara pula terus memainkan fungsi menguruskannya dengan baik seperti terbukti sejak lapan tahun lalu apabila kadar

pertumbuhan berterusan melebihi lapan peratus setahun."

"Semakin banyak campur tangan dalam pasaran, tidak akan membantu mengerakkan pasaran dan sentimen negatif akan terus mencengkam apabila penjualan serta kegiatan pengambil untung terutama oleh pelabur asing berterusan," katanya.

Seorang penganalisis pasaran pula menyokong Perdana Menteri yang menyatakan bahawa penubuhan dana khas itu untuk membantu pelabur yang menghadapi masalah disebabkan kejatuhan mendadak harga saham berpunca daripada manipulasi berterusan dalam pasaran saham serta pasaran mata wang oleh orang asing.

(END)